

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 7 MAC 2022  
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 4

### Karnival Kerjaya Jamin Kerja tawar 5,000 peluang

## Karnival Kerjaya Jamin Kerja tawar 5,000 peluang

**PONTIAN:** Lebih 5,000 kekosongan jawatan ditawarkan oleh 20 majikan daripada pelbagai industri di seluruh negara pada Karnival Kerjaya Jamin Kerja Keluarga Malaysia 2022 Peringkat Negeri Johor.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob merasmikan Karnival tersebut yang merupakan kesinambungan inisiatif Jamin Kerja Keluarga Malaysia dilancarkan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, 19 Februari lalu.

Karnival kerjaya itu sebagai usaha Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) untuk menawarkan peluang pekerjaan secara langsung kepada orang ramai khususnya di daerah Pontian dan kawasan sekitarnya.

Itu juga merupakan sebahagian daripada inisiatif Jamin Kerja - Insentif Penggajian (JKIP), iaitu satu daripada tiga komponen di bawah Inisiatif Jamin Kerja Keluarga Malaysia yang diumumkan dalam Bajet 2022.

Dengan peruntukan sebanyak RM2 bilion, JKIP bermatlamat merangsang majikan mencipta pekerjaan dan

membuat pengambilan pekerja baharu dengan sasaran 300,000 pekerja separjang tahun ini.

Yang turut hadir pada majlis perasmian tersebut ialah Menteri Besar, Datuk Seri Ir. Hasni Mohammad; Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M. Saravanan dan Ketua Eksekutif Perkeso, Datuk Seri Dr. Mohammed Azman Aziz.

Karnival tersebut menyediakan pelbagai perkhidmatan pekerjaan kepada pencari kerja seperti bantuan pendaftaran Portal Pekerjaan Negara - MYFutureJobs, sesi kaunseling kerjaya, bantuan penyediaan resume dan sesi temu duga terbuka bersama majikan.

Karnival diadakan sepenuhnya secara fizikal itu berlangsung di tiga lokasi bermula 3 Mac di Johor Bahru; 5 Mac di Mersing dan 6 Mac di Pontian.

Antara jawatan yang ditawarkan adalah jurutera, juruteknik, juruukur bahan, tukang masak, chef, kru restoran, pembantu klinik, pengurus akaun dan pemasaran, kerani serta



ISMAIL Sabri Yaakob menyampaikan replika cek kepada salah seorang pekerja yang mendapat Elaun Mencari Pekerjaan sempena Karnival Kerjaya Jamin Kerja Keluarga Malaysia 2022 Johor sambil diperhatikan Hasni Mohammad (kanan) dan M. Saravanan (dua dari kiri) di Pontian, semalam. - UTUSAN/RAJA JAAFAR ALI

perantis.

Majikan yang menawarkan peluang-pekerjaan pulu-

terdiri daripada sektor awam termasuk agensi kerajaan seperti Unit Pelaksanaan dan Koordinasi Stimulus

Ekonomi Antara Agensi Nasional (Laksana), Perkeso, HRD Corp. serta syarikat swasta.